



English | Malay | Mandarin | | Español

[TENTANG BERNAMA](#) | [AM](#) | [POLITIK](#) | [EKONOMI](#) | [SUKAN](#) | [RENCANA](#) | [DUNIA](#) | [E-NEWSLETTER](#) | [WEB TV](#) | [ARKIB](#) | [INFOGRAFIK](#)

Breaking News / Berita Tergempar

 Laman Mikro » [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerbangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#) • [eBiz](#) Berita Who's Who

EKONOMI > BERITA

Industri Insurans, Takaful Tawar Prospek Kerjaya Stabil

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Industri insurans dan takaful Malaysia menawarkan prospek kerjaya yang setabil, termasuk peluang kerjaya memberangsangkan dengan pembabitan lebih 30,000 pekerja serta 190,000 ejen, ketika ini.

Menurut kenyataan bersama Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA), syarikat-syarikat insurans dan takaful melaksanakan budaya kerja menggabungkan kaedah pengurusan tempatan dan asing.

"Berkhidmat dalam syarikat berkenaan bererti mengamalkan kaedah menarik menggabungkan kerjaya dan gaya hidup dan amat sesuai untuk kalangan bakat muda," kata ketiga-tiga persatuan berkenaan.

Dapatan satu tinjauan oleh PIAM, LIAM dan MTA menunjukkan syarikat insurans hayat, insurans am dan takaful meneruskan pengambilan pekerja baharu bagi mengisi pelbagai jawatan kosong yang ditawarkan.

Ia sejajar pertumbuhan dinamik dan transformasi industri insurans dan takaful di bawah Rangka Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Rangka LIFE) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia sejak 23 Nov, 2015.

Seiring Program Transformasi Kerajaan yang memberi penekanan terhadap usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat insurans utama, ketiga-tiga badan berkenaan menjangkakan permintaan bagi khidmat pekerja berkemahiran akan terus meningkat.

Malah, bersempena inisiatif kerajaan selama 10 tahun itu, akan turut memberi jaminan kerja bagi modal insan yang berpotensi untuk menyertai industri berkenaan dan menjadikannya sebagai kerjaya pilihan.

Dalam pada itu, industri insurans turut menubuhkan Dana Pembangunan Kapasiti sebanyak RM45 juta diuruskan Institut Insurans Malaysia bagi penyediaan program latihan bertaraf dunia serta kursus pensijilan untuk pekerja sektor itu.

Pada masa ini, industri insurans dan takaful menyumbang kira enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar dengan premiumnya berjumlah RM6.8 bilion pada 2015.

Industri itu juga mencatat asas kewangan yang kukuh dengan lebih modalnya sebanyak RM6.81 bilion.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

Sultan Johor Ucap Takziah Kepada Keluarga Mangsa

TPM Mahu Suruhanjaya Siasatan Ditubuhkan Siasat Kebakaran Di HSA

Lelaki Maut Dalam Letupan Di Sebuah Stesen Minyak Di JB

Berita Terkini Lain

Ros Lulus Pendaftaran Parti Harapan Rakyat Sabah- **politik**

18 Syarikat Malaysia Sertai AMM Di As November Ini- **ekonomi**

Wei Feng Mara Ke Undian Utama Terbuka Perancis- **sukan**

Pemain No.1 Dunia, Lydia Ko Guna Kedi Tempatan- **rencana**

Thai PM Denies Having Twitter Account Critical Of Najib- **dunia**

Berita Pilihan Tertinggi

Sultan Johor Ucap Takziah Kepada Keluarga Mangsa

Sultan Mizan Berkenan Sampaikan Anugerah Dan Hadiah Kepada Penggiat Sukan

Polis Sahkan Letupan Tidak Ada Kaitan Unsur Jenayah Dan Kebakaran Di HSA

▼ iklan

[>> Senarai Berita](#)

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi
MALAYSIAeBiz Mingguan
 Versi Bahasa Inggeris

[Laman Utama](#) | [Sitemap](#) | [Hubungi Kami](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan RSS](#)

© 2016 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan
 Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
 Paparan terbaik menggunakan Firefox 35.0.1 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

[Hubungi kami 03-26939933 | Emel helpdesk@bernama.com](mailto:helpdesk@bernama.com)